

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan soal selidik digunakan dalam kajian. Ia juga adalah satu kajian perbandingan konsep sendiri antara pelajar lelaki dan perempuan. Sebagai andaian yang selamat atau berkesan, tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar yang terlibat dikaitkan dengan konsep sendiri masing-masing. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah konsep sendiri dan pembolehubah tidak bersandar ialah jantina dan pencapaian akademik. Kajian ini bertujuan untuk melihat perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Kemungkinan pembolehubah-pembolehubah ini saling mempengaruhi antara satu sama lain.

3.2 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah berdasarkan kepada tujuan-tujuan kajian yang telah dinyatakan. Penerimaan dan penolakan hipotesis akan meletakkan kita di atas satu landasan yang kuat untuk membincangkan isu-isu yang berkenaan. Kajian ini mempunyai 4 hipotesis :

Hipotesis 1 : Terdapat konsep sendiri yang positif bagi pelajar-pelajar lelaki di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Hipotesis 2 : Terdapat konsep sendiri yang positif bagi pelajar-pelajar perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Hipotesis 3 : Terdapat perbezaan antara konsep sendiri pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Hipotesis 4 : Ada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan

3.3 Tempat Kajian

Kajian dijalankan di tiga buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Paroi Jaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Sikamat. Sekolah-sekolah tersebut berada di sekitar 7 km dari bandar Seremban dan dikelilingi oleh kawasan-kawasan perumahan. Ini membuatkan keadaan persekitaran dan budaya persekolahan adalah hampir sama bagi ketiga-tiga buah sekolah.

3.4 Subjek Kajian Dan Pemilihan Sampel.

Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dari aliran Sains dan Sastera. Pemilihan subjek dibuat secara rawak berdasarkan kaedah berstratifikasi iaitu subjek-subjek dipilih berdasarkan kriteria jantina dan aliran. Berikut adalah jadual taburan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

JADUAL 1 Taburan subjek mengikut aliran dan jantina

Jantina	Sains	Sastera	Jumlah
Lelaki	14	58	72
Perempuan	37	49	86
Jumlah	51	107	158

3.5 Alat Kajian

Menurut Strong dan Feder (1961), terdapat berbagai-bagai teknik telah dibentuk untuk mengukur konsep-kendiri (Anastasi, 1982 : 664). Teknik-teknik itu ialah *Adjective Check List (ACL)*, *Q Sort*, *Semantic Differential* dan *Role Construct Repertory Test* atau ringkasnya *Rep Test*.

Alat kajian yang digunakan berbentuk soal selidik yang terdiri daripada 70 item. Item-item tersebut kebanyakannya diambil daripada Skala Penilaian Konsep Kendiri Pasao (SPKKP) dan Skala Konsep Kendiri Tennessee (SKKT) yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Soal selidik ini telah dipilih kerana ia merupakan alat ukur konsep kendiri yang komprehensif dan boleh digunakan untuk mengukur kesemua aspek konsep kendiri. Untuk mendapat kesahan yang baik, pihak Jabatan Psikologi UKM telah menggunakan teknik 'back translation' bagi item-item soal selidik SPKKP (Jabatan Psikologi UKM, 1984) dan Skala Konsep Kendiri Tennessee yang dibina oleh Fitts pada 1965 telah diterjemahkan oleh pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan UM pada 1976. Sebahagian daripada item-item dalam kajian ini telah diubahsuai dan dipinda oleh pengkaji sendiri mengikut kesesuaian pembelajaran di sekolah. Skor bagi item-item yang digunakan dalam soal selidik adalah mengikut pemberat Skala Likert 5 peringkat iaitu :

- (1) - Sangat tidak benar (STB)
- (2) - Kebanyakannya tidak benar (KTB)
- (3) - Separuh benar dan separuh tidak benar (SBSTB)
- (4) - Kebanyakannya benar (KB)
- (5) - Sangat benar (SB)

3.6 Kaedah Kajian

Kebenaran telah didapati dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah dan seterusnya kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan diperolehi. Pelajar-pelajar diberi penerangan terlebih dahulu mengenai tujuan kajian iaitu sebelum mereka dibenarkan menjawab soalan soal selidik. Tujuannya ialah untuk mendapatkan jawapan yang jujur mengenai diri masing-masing. Segala arahan menjawab soal selidik diberikan dengan jelas dan mudah difahami. Pengkaji juga telah memastikan subjek-subjek tidak berbincang sesama mereka semasa menjawab soal selidik. Setelah itu soal selidik dikumpulkan semula untuk dianalisa. Soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian :

Bahagian A : Maklumat demografi subjek seperti nama, umur, jantina, sekolah, tingkatan dan aliran sama ada sains atau sastera.

Bahagian B : Soal selidik gabungan Skala Konsep Kendiri Tennessee dan Skala Penilaian Konsep Kendiri Pasao.

Bagi data pencapaian akademik, keputusan pelajar telah diperolehi daripada Setiausaha Peperiksaan sekolah-sekolah yang terlibat berpandukan nama dan tingkatan pelajar dalam borang soal selidik.

3.7 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam pemberian skor kepada semua item soal selidik yang digunakan adalah mengikut skor-skor item-item tersebut. Item-item diberi skor mengikut pemberat Skala Likert 5 peringkat. Pemberatan ini diterbalikkan nilainya bagi item-item yang berbentuk negatif.

Item positif - Nombor-nombor item ialah 1, 2, 5, 6, 9, 10, 13, 14, 17, 18, 21, 22, 25, 26, 29, 30, 33, 34, 37, 38, 41, 42, 45, 46, 49, 50, 53, 54, 57, 58, 61, 62, 65, 66, 69, dan 70.

Sangat tidak benar - Nilai skor 1

Kebanyakannya tidak benar - Nilai skor 2

Sepuluh benar sepuluh tidak benar - Nilai skor 3

Kebanyakannya benar - Nilai skor 4

Sangat benar - Nilai skor 5

Item Negatif - Nombor-nombor item ialah 3, 4, 7, 8, 11, 12, 15, 16, 19, 20, 23, 24, 27, 28, 31, 32, 35, 36, 39, 40, 43, 44, 47, 48, 51, 52, 55, 56, 59, 60, 63, 64, 67, dan 68.

Sangat tidak benar - Nilai skor 5

Kebanyakannya tidak benar - Nilai skor 4

Sepuluh benar sepuluh tidak benar - Nilai skor 3

Kebanyakannya benar - Nilai skor 2

Sangat Benar - Nilai skor 1

Bagi menentukan konsep sendiri, min skor digunakan sebagai nilaitara untuk membezakan antara konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Subjek yang mendapat skor kurang daripada skor min dianggap mempunyai konsep sendiri yang negatif dan subjek yang memperolehi skor melebihi skor min dianggap mempunyai konsep sendiri yang positif.

3.8 Kaedah Analisa Data

Data kajian dianalisa dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS). Hipotesis 1 dan Hipotesis 2 menggunakan kaedah peratusan di mana penentuan sama ada terdapat konsep sendiri yang positif di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dibuat dengan mencampurkan semua markah yang diperolehi hasil soal selidik kemudian dibahagikan pula dengan jumlah subjek. Ujian khi-kuasadua dan ujian-t digunakan bagi menguji perbezaan konsep sendiri mengikut jantina dan pencapaian akademik. Aras kesignifikanan ujian ditetapkan pada tahap 0.05.

3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian

Ketepatan kajian selalunya bergantung kepada alat pengukuran yang baik. Setiap alat ukur pula harus mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan adalah merujuk kepada persoalan sejauh manakah sesuatu alat ukur itu dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kebolehpercayaan pula menjawab persoalan sejauh manakah sesuatu alat itu tekal dalam mengukur apa-apa yang hendak diukur. Sekiranya data yang didapati oleh pengkaji datangnya dari alat-alat yang rendah kesahan dan kebolehpercayaan, maka orang akan merasa kurang yakin terhadap keputusan yang diperolehi serta kesimpulan yang dibuat hasil daripada keputusan tersebut.

Dari kedua-dua aspek ini, alat kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang munasabah. Dari segi kebolehpercayaan pula, interpretasi pekali kebolehpercayaan haruslah dibuat berdasarkan kepada beberapa perkembangan. Terdapat faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi pekali kebolehpercayaan dan faktor-faktor ini perlulah diambil kira, jika tidak, interpretasi kebolehpercayaan kurang memberi makna. Faktor-faktor tersebut ialah:

1. Kebolehpercayaan alat ujian bergantung kepada bilangan item di mana semakin besar bilangan item semakin tinggi kebolehpercayaan. Bagi kajian ini bilangan item ialah 70.
2. Kebolehpercayaan bergantung kepada sifat kumpulan subjek yang mengambil ujian itu iaitu sama ada seragam (homogeneous) atau tidak seragam (heterogeneous). Pekali kebolehpercayaan meningkat apabila ketidakseragaman subjek bertambah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sifat kumpulan subjek bagi kajian ini adalah homogeneous dan mempunyai budaya dan cara pembelajaran yang hampir serupa.
3. Kebolehpercayaan bergantung kepada kebolehpercayaan individu yang mengambil ujian. Kebolehpercayaan akan menurun apabila individu merasakan sesuatu ujian itu terlalu sukar atau terlalu mudah untuk di jawab. Soal selidik dalam kajian ini telah diuji kebolehpercayaannya berdasarkan kajian-kajian lepas.

Kesahan konstruk Soal Selidik Konsep Kendiri Tennessee ini telah diuji oleh Chiam pada tahun 1981. Beliau telah memberikan soal selidik ini kepada 499 orang pelajar tingkatan 4 dan dengan menggunakan analisa faktor, beliau mendapati soal selidik ini mempunyai 'loadings' 0.98 dalam faktor Kendiri Bukan Akademik. Menurut Chiam, 'loadings' yang tinggi yang ditunjukkan oleh Soal Selidik Konsep Kendiri Tennessee dalam setiap skala kecil positif soal selidik tersebut mengesahkan bahawa soal selidik ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu ini mempunyai kesahan konstruk yang baik. Bagi soal selidik Skala Penilaian Konsep Kendiri Pasao pula, pihak Jabatan Psikologi UKM telah menggunakan teknik 'back translation' bagi kesemua item untuk menguji kesahan soal selidik tersebut. Hasil ujian menunjukkan soal selidik ini mempunyai kesahan yang baik (Jabatan Psikologi, UKM 1984).